

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, 7 April, 2019 9:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Profesor UUM Kongsi Tips Tentang Kepentingan Impak Penyelidikan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

7 APRIL 2019 / 1 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: STHEM

PROFESOR UUM KONGSI TIPS TENTANG KEPENTINGAN IMPAK PENYELIDIKAN



UUM ONLINE: Profesor dari Pusat Pengajian Pengurusan pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM), Prof. Dr. Azilah Kasim diberi penghormatan untuk menyampaikan ceramah tentang Research Impact pada program Researcher Unbound anjuran National University of Singapore (NUS), baru-baru ini.

Beliau yang merupakan finalis dalam pertandingan Research Impact telah dijemput Emerald Publishing di program berkenaan bagi menekankan pentingnya kepada penyelidik untuk memastikan bahawa hasil penyelidikan mereka tidak berakhir dengan penerbitan semata-mata dan tidak digunapakai oleh penyelidik lain mahupun komuniti setempat sebagai bahan rujukan dan panduan.

Menurut Pengarah Pusat Kajian Langkawi International Tourism and Hospitality (LITH) itu, pemilihan beliau sebagai finalis dan penceramah jemputan oleh Emerald Publishing adalah merupakan penghargaan kepadanya secara peribadi dan juga UUM di peringkat antarabangsa.

Program Researcher Unbound itu turut menjemput Senior Editor Emerald Publishing iaitu Sharon Parkinson dari England untuk bersama-sama kongsi pengalaman dan ilmu beliau mengenai impak penyelidikan dengan para penyelidik dari NUS.

Sharon berkata, cabaran terkini untuk para penyelidik ialah untuk memastikan bahawa penyelidikan mereka berimpak tinggi kepada satu-satu sasaran komuniti agar hasil penyelidikan menjadi lebih bererti dan berguna.

Katanya, penyelidik perlu memastikan hasil penyelidikan mereka mempunyai impak terus (*direct impact*) yang jelas ataupun sekurang-kurangnya dirujuk oleh penyelidik lain bagi tujuan perkembangan ilmu.

Beliau juga bercakap mengenai Plan S atau penerimaan secara global konsep penerbitan *Open Access* bagi memastikan hasil penyelidikan boleh dibaca dan dirujuk oleh umum secara percuma dan seterusnya mempunyai impak yang tinggi kepada masyarakat di peringkat global.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.